

# JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HEP) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Rujukan Kami : UTM.J.06.01.00/10.12/22 Jld. 2 (72)

Tarikh : 18 September 2023

## PEKELILING PELAJAR BIL. 6/2023

### PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN KAD PRIHATIN SISWA (KPS) BAGI PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA MULAI SEMESTER I, SESI 2023/2024

Semua pelajar,  
Universiti Teknologi Malaysia

Dengan hormatnya saya menarik perhatian saudara/i kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 117 bertarikh 22 Februari 2022 telah meluluskan pelaksanaan inisiatif Kad Prihatin Siswa yang merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan merupakan antara sebelas (11) usul yang dikemukakan oleh perwakilan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) kepada Kepimpinan Tertinggi Negara semasa pertemuan yang diadakan pada 30 Jun 2020.

3. Objektif utama pelaksanaan inisiatif Kad Prihatin Siswa adalah seperti berikut :

- (i) Memperkasa dan mempelbagaikan fungsi kad matrik pelajar IPT;
- (ii) Memudahkan penyaluran peruntukan atau bantuan kewangan terus ke akaun pelajar;
- (iii) Transformasi ekosistem transaksi kewangan di IPT ke arah *cashless* kampus; dan
- (iv) Menyeragamkan kemudahan atau fasiliti dan tawaran/ keistimewaan/ ganjaran/ promosi kepada pelajar IPT.

4. Justeru, bagi penguatkuasaan pemakaian Kad Prihatin Siswa bagi menggantikan kad matrik sedia ada, semua pelajar Universiti Teknologi Malaysia diminta mengambil maklum dan tindakan lanjut terhadap perkara berikut :

#### 4.1 Kad Prihatin Siswa (KPS) sebagai Kad Matrik Rasmi Pelajar

4.1.1 Penguatkuasaan pertukaran kad matrik pelajar sedia ada kepada Kad Prihatin Siswa (KPS) mulai **Semester I, Sesi 2023/2024**. Sehubungan dengan penguatkuasaan ini, kad matrik sedia ada adalah tidak terpakai.

#### 4.2 Pertukaran kepada RHB Bank bagi pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

4.2.1 Penyaluran pembiayaan PTPTN akan dilakukan sepenuhnya menggunakan akaun RHB Bank mulai **Semester I, Sesi 2023/2024**.

5. Bersama-sama ini disertakan *Frequently Asked Questions* (FAQ) yang disediakan oleh pihak RHB untuk rujukan melalui pautan berikut :

<https://www.rhbgroup.com/files/personal/deposits/mysiswa-faq.pdf>


6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai pelaksanaan inisiatif Kad Prihatin Siswa sila e-melkan kepada [bkkthep@utm.my](mailto:bkkthep@utm.my) (pelajar sepenuh masa), [hepspace@utmpace.edu.my](mailto:hepspace@utmpace.edu.my) (pelajar SPACE) atau [identitycard@utm.my](mailto:identitycard@utm.my) (pengambilan kad).

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
b.p. : Naib Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia

- s.k.
- YBhg. Datuk Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pendaftar
  - Pengarah (Kampus UTM Pagoh)
  - Dekan-Dekan Fakulti
  - Pengarah Keselamatan